

02/07/1999

Spratly: Malaysia ada tiga akta lindungi hak

Magendran Rajagopal

KEPULAUAN Spratly, dengan kedudukan strategik sebagai laluan kapal dagang antarabangsa serta kaya dengan pelbagai galian termasuk minyak, menjadikannya rebutan dan punca kontroversi antara enam negara yang mengelilinginya.

Baru-baru ini, Filipina mempertikaikan tindakan Malaysia menempatkan beberapa ahli sains di Terumbu Siput dan Peninjau di Laut China Selatan. Penempatan itu dilakukan Malaysia kerana kedua-dua terumbu itu terletak dalam lingkungan sempadan pelantar benua dan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) dan dengan itu tidak menjadi sebahagian dari kawasan Spratly.

Ahad lalu, keadaan itu diburukkan lagi apabila tujuh nelayan Malaysia ditahan kerana didakwa menceroboh perairan Filipina, tiga hari selepas tercetus pertelagahan kedua-dua negara mengenai Spratly.

Penjelasan mengenai pendirian Malaysia oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada Duta Filipina, Jose Brillantes berikutan permintaan Setiausaha Luar Filipina, Domingo Siazon, ternyata gagal menenangkan suasana.

Sebaliknya, Setiausaha Pertahanan Filipina, Orlando Mercado, mencadangkan supaya Filipina mendirikan binaannya sendiri di terumbu berhampiran di Pulau Spratly yang belum diduduki mana-mana pihak. Sebelum ini, China bertindak mendirikan binaan di Terumbu Mischief walaupun kawasan itu termasuk dalam sempadan yang dituntut Filipina.

Secara umum, kawasan yang menjadi punca perbalahan itu terletak di Laut China Selatan yang disifatkan sebagai kawasan lautan separa tertutup mengikut Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perundangan Samudera 1982 (Konvensyen LOS).

Kawasan seluas 648,000 batu nautika persegi itu dilingkungi enam negara iaitu China, termasuk Taiwan, Vietnam, Filipina, Brunei, Malaysia dan Indonesia.

Ada beratus-ratus pulau kecil, beting pasir, permatang batu, tebing, batu karang, pentas laut dan terumbu, termasuk yang berada di bawah permukaan laut di sempadan kawasan itu.

Ada empat pulau utama di kawasan Laut China Selatan yang menjadi punca perbalahan, termasuk Kepulauan Paratas, Kepulauan Paracel, Tebing Macclesfields dan Kepulauan Spratly.

Tuntutan keenam-enam negara itu lebih bertumpu kepada Spratly kerana ia amat berpotensi dari segi ekonomi dan strategik untuk laluan laut antarabangsa selain didakwa kaya dengan pelbagai galian.

Semua negara berkenaan lebih banyak mengemukakan bukti hak milik berdasarkan sejarah tanpa sebarang asas yang kukuh sehingga sering timbul pertelagahan kerana masing-masing tidak mahu mengalah menentukan sempadan.

Pada dasarnya, semua negara sedia berpegang kepada semangat Asean bagi berbincang untuk mencari penyelesaian secara aman selaras dengan Konvensyen LOS 1982 tetapi ternyata tiada siapa pun sedia bertolak ansur melepaskan hak masing-masing.

Dalam perkembangan terbaru, China turut mendakwa memiliki sebahagian Spratly yang diberi gelaran Kepulauan Nansha dan menyifatkan tindakan Malaysia membina bangunan di kedua terumbu itu sebagai haram.

Walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah memberi penjelasan mengenai tindakan negara bahawa ia hanya untuk kajian saintifik selain menghalang pelanggaran kapal, ia belum mampu meredakan keadaan.

Selain China dan Filipina, Vietnam turut mengeluarkan amaran bahawa

pembinaan bangunan di terumbu yang menjadi perebutan itu mencabul kedaulatan negaranya.

Jurucakap Kementerian Luar Vietnam, Phan Thuy Thanh, berkata negaranya mempunyai bukti sejarah serta asas tuntutan kedaulatan terhadap pulau itu dan meminta semua negara terbabit berbincang bagi menyelesaikan masalah secara aman.

Sebelum ini, China dan Vietnam pernah bertempur di kepulauan itu pada 1988 sehingga menyebabkan 70 tentera Vietnam terbunuh dan kemungkinan China akan menggunakan kekerasan sekali lagi, tidak wajar dipandang remeh.

Walaupun keenam-enam negara yang berbalah merebut Spratly mengiktiraf Konvensyen LOS 1982, masing-masing tidak ketinggalan menggubal undang-undang sendiri bagi mempertahankan hak sempadan yang kebanyakannya bercanggah dengan tuntutan yang dibuat oleh China.

Malaysia, setakat ini, mempunyai tiga akta iaitu Akta Pelantar Benua 1966 (pindaan 1972), Proklamasi Zon Ekonomi Eksklusif 1980 dan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 bagi melindungi haknya.

Berdasarkan Konvensyen LOS yang diiktiraf Malaysia pada 14 Oktober 1996, Malaysia berhak ke atas kawasan sehingga 12 batu nautika selain 200 batu nautika dalam EEZ termasuk pelantar benua yang dibenarkan diteroka.

Walaupun begitu, dakwaan hak milik sempadan oleh Malaysia banyak bertindih dengan tuntutan negara lain dan buat masa sekarang tiada pihak yang menunjukkan tanda-tanda sanggup berbincang untuk menyelesaikan isu Spratly.

(END)